

**TEKS UCAPAN PENUTUP KURSUS ASAS**  
**PERAJURIT MUDA SEPADU SIRI 1/2007**  
**OLEH**  
**KOMANDER REJIMEN 509 (AW) PADA 08 MAC 2007**

BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM , YANG BERBAHAGIA LT KOL TOH CHOON SIANG, TIMBALAN KOMANDER REJ 509 (AW), YANG BERUSAHA MEJ MOHAMMAD JAUHARI BIN BASIRUN, KETUA CAWANGAN PENGAMBILAN DAN LATIHAN, PARA PERWIRA, BINTARA, PERTANDA DAN PERAJURIT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN SERTA INAYAH NYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI INI BAGI TUJUAN PENUTUPAN KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA SEPADU SIRI 1/2007.

**PARA HADRIN SEKALIAN,**

SEBENTAR TADI KITA TELAH MENYAKSIKAN PERTUNJUKAN MEREMPUH HALANGAN YANG CUKUP BERSEMANGAT OLEH PERAJURIT MUDA YANG MENGHADIRI KURSUSINI.INI MEMBUKTIKAN BAHAWA LATIHAN BERTERUSAN YANG MANTAP SERTA KOMITMEN, SEMANGAT KERJASAMA BERPASUKAN DAN DISIPLIN YANG TINGGI OLEH SETIAP PELATIH TELAH MENGHASILKAN SATU PRESTASI YANG AMAT MEMBANGGAKAN. SAYA SELAKU KOMANDER REJIMEN 509 (AW) MERASA BANGGA DI ATAS SEMANGAT, KESUNGGUHAN DAN KERJA KERAS YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH SAUDARA/SAUDARI SEKALIAN.

PADA PAGI INI, KITA DAPAT MENYAKSIKAN SERAMAI 77 ORANG PERAJURIT MUDA YANG TELAH MENGHARUNGI RINTANGAN DAN KEPAYAHAN SEHINGGA BERJAYA MENAMATKAN KURSUS YANG MENCABARINI DENGAN JAYANYA. KEJAYAANINI TIDAK AKAN TERHASIL TANPA PENGORBANAN, KETABAHAN, SEMANGAT YANG TINGGI DALAM SUASANA LATIHAN YANG PADAT SELAMA 1 BULAN YANG LALU DARIPADA SEMUA YANG TERLIBAT.

**PARA PERAJURIT MUDA SEKALIAN,**

SAYA PERCAYA ANDA SEMUA TELAH MENGHARUNGI PENGALAMAN BARU YANG TIDAK PERNAH DILALUI SEBELUM INI DI MANA SAUDARA/SAUDARI SEKALIAN TELAH DIDEDEAHKAN DENGAN ASAS-ASAS ILMU KETENTERAAN DAN PEMBENTUKAN DISIPLIN TENTERA. JUSTERU, SAYA YAKIN DENGAN LATIHAN BERSESUAIAN SELANJUTNYA, ANDA SEMUA BERUPAYA UNTUK MEMIKUL TUGAS SERTA TANGGUNG JAWAB BAGI MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA APABILA DIPERLUKAN NANTI. INSYA ALLAH.

**PERAJURIT MUDA YANG SAYA KASIH SEKALIAN,**

SESUNGGUHNYA LATIHAN KETENTERAAN TIDAK BERAKHIR DI SINI. SAYA MENYERU AGAR ANDA MEMPRAKTIKKAN ILMU KETENTERAAN YANG DIPEROLEHI SELAGI ANDA MASIH MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM SEBAGAI SEORANG ANGGOTA ASKAR WATANIAH. DI SAMPING ITU, SAUDARA/SAUDARI JUGA PERLU MEMPERKEMASKAN LAGI PENGETAHUAN YANG TELAH DIPEROLEHI DENGAN TERUS MENGIKUTI LATIHAN-LATIHAN YANG DIRANCANG DI BATALION MASING-MASING DAN BERSEDIA UNTUK MENGHADIRI KURSUS DI LUAR PASUKAN APABILA DIARAHKAN KELAK.

SAYA BERHARAP SAUDARA/SAUDARI SEKALIAN YANG TELAH LULUS SEBAGAI PERAJURIT MUDA AKAN MENJADI SEORANG ANGGOTA SUKARELA YANG AKTIF DENGAN MENGHADIRKAN DIRI SAMASA LATIHAN YANG BAKAL DILAKSANAKAN DI REJIMEN. AMAT PERLU BAGI KITA SEBAGAI PERAJURIT UNTUK SENTIASA MEMANTAPKAN LAGI ILMU PENGETAHUAN KETENTERAAN DARI MASA KE SEMASA. SESUNGGUHNYA TAHAP PROFESSIONALISME HANYA DAPAT DIPERTINGKATKAN MELALUI LATIHAN YANG BERTERUSAN TANPA MENGENAL ERTI PENAT DAN JEMU.

KEPADА IBUBAPA, KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN DAN SWASTA, SERTA INDIVIDU-INDIVIDU YANG TELAH MEMBERI KEBENARAN DAN MENGGALAKKAN PARA BELIAINI MENYERTAI LATIHAN SEBEGINI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KERANA DENGAN DORONGAN YANG TELAH DIBERIKAN KITA BERJAYA MELAHIRKAN ANGGOTA SUKARELA YANG BERDISIPLIN TINGGI DAN TERLATIHINI. SAYA BERHARAP SOKONGAN SEBEGINI AKAN TERUS DIHULURKAN UNTUK MENENTUKAN ANAK-ANAK MUDA KITA SENTIASA

MENYUMBANG KHIDMAT BAKTI MELALUI PENYERTAAN DI DALAM ASKAR WATANIAH.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA PERAJURIT MUDA SEKALIAN KERANA TELAH BERJAYA MENGIKUTI LATIHANINI DENGAN CEKAL DAN TABAH. TIDAK LUPA JUGA SAYA UCAPAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA JURULATIH YANG TELAH BEKERJA KERAS SEPANJANG SEBULAN YANG LALU BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN KURSUSINI.

***DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM MENGISYTIHARKAN, KURSUS ASAS PERAJURIT MUDA SEPADU SIRI 1/2007INI DITUTUP DENGAN RASMINYA. SEKIAN TERIMA KASIH.***

WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.